

Bil. 33

Khamis

25 November 2021



MALAYSIA

## PENYATA RASMI PARLIMEN

*Parliamentary Debates*

## KAMAR KHAS

*Special Chamber*

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KEDUA**

## K A N D U N G A N

### UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M. 17]:

- Isu Kelambatan Dalam Pembayaran Kos Perjalanan dan Prosiding Peguam Sukarelawan Yayasan Guaman Kebangsaan (YBGK) Serta Mengkaji Semula Pembayaran Tuntutan Peguam YBGK
  - *YB. Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)* (Halaman 1)
- Isu Kesalahan Jenayah: Kes Buli Zulfarhan Osman (UPNM)
  - *YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar (Permatang Pauh)* (Halaman 5)

**MALAYSIA  
KAMAR KHAS  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KEDUA**

**Khamis, 25 November 2021**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

*Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL  
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Isu Kelambatan Dalam Pembayaran  
Kos Perjalanan dan Prosiding Peguam Sukarelawan  
Yayasan Guaman Kebangsaan (YBGK) Serta Mengkaji  
Semula Pembayaran Tuntutan Peguam YBGK**

**2.34 ptg.**

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) ini sudah diperbadankan pada 25 Januari 2011 hasil Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Mac 2010.

Skim Yayasan Bantuan Guaman ialah skim bantuan guaman komprehensif yang membiayai peguam untuk melakukan kerja bantuan guaman dalam perkara jenayah. Di bawah skim ini yang mula beroperasi pada April 2012, bantuan guaman percuma diberikan kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kemampuan kewangan mereka di balai polis, semasa perbicaraan reman dan apabila mereka didakwa di mahkamah.

YBGK yang ditubuhkan pada tahun 2012 dengan dana khas daripada kerajaan sebanyak RM5 juta telah menjadi suatu medium kepada golongan B40 dan M40 bagi mendapatkan bantuan guaman.

Namun, baru-baru ini peguam-peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan menghadapi situasi bayaran kos perjalanan dan prosiding tidak diterima mengikut tempoh waktu yang ditetapkan. Jabatan Peguam Negara dan Majlis Peguam perlu proaktif dalam membiayai nasib peguam-peguam sukarelawan yang seharusnya dihargai.

Sehubungan dengan itu, saya ingin memohon agar Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengemukakan;

- (i) carta peruntukan untuk YBGK sejak tahun 2012 hingga kini;
- (ii) berapakah bilangan peguam dan kes yang telah menerima bayaran kos yang diperuntukkan untuk YBGK;
- (iii) apakah SOP dan tempoh yang akan diselaraskan bagi menyalurkan bayaran kepada peguam YBGK;
- (iv) adakah kementerian bersedia menyediakan dana tambahan untuk YBGK; dan
- (v) adakah kementerian bercadang untuk menambah kos perjalanan dan prosiding untuk peguam YBGK memandangkan kos tersebut sama tanpa sebarang penambahan sejak tahun 2012.

Sekian, terima kasih atas kerjasama pihak Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri.

### **2.36 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan soalan yang pertama iaitu berkenaan dengan carta peruntukan untuk YBGK sejak tahun 2012 sehingga kini –

Bagi menampung pembayaran kepada perkhidmatan peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) termasuk kos operasinya, YBGK telahpun mendapat peruntukan daripada Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri sebanyak RM56,089,200.00 dengan pecahan seperti yang berikut:

Bermula pada tahun 2011, terdapat RM5 juta iaitu dana pelancaran. Kemudian diikuti tahun 2012 sebanyak RM10 juta dana tambahan. Kemudian tahun 2015 sebanyak RM5 juta, tahun 2016 sebanyak RM5 juta dan tahun 2017 sebanyak RM3 juta yang ini daripada Kementerian Kewangan.

Kemudian daripada Jabatan Perdana Menteri bermula daripada tahun 2018 sebanyak RM9 juta, kemudian tahun 2019 sebanyak RM4,989,200, pada tahun 2020 sebanyak RM9,100,000 dan bagi tahun 2021 sebanyak RM5 juta. Ini membawa kepada – daripada Kementerian Kewangan sebanyak RM28 juta dan daripada Jabatan Perdana Menteri sebanyak RM28,089,200.

Selain daripada itu, YBGK juga menerima sumbangan sebanyak RM200,000.00 bagi tahun 2011 daripada Majlis Peguam Malaysia. Berhubung dengan peruntukan kepada YBGK bagi tahun 2022, kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM7,000,000.00.

Berhubung dengan soalan Yang Berhormat iaitu soalan yang kedua, hingga 22 November 2021, bilangan peguam sivil yang telah pun berdaftar dengan YBGK adalah sebanyak 3,111 peguam manakala bilangan peguam syariah pula adalah sebanyak 173 peguam.

Walau bagaimanapun, bukan semua peguam yang berdaftar dengan YBGK ini aktif menjalankan perkhidmatan di bawah YBGK. Hanya 34 peratus sahaja daripada peguam berdaftar tersebut yang menjalankan perkhidmatan di bawah YBGK. Bilangan peguam yang aktif pada masa kini adalah seramai 1,073 daripada keseluruhan jumlah 3,111 orang dan mereka telah pun menerima bayaran daripada dana yang diperuntukkan kepada YBGK. Sebagaimana contoh di Melaka, daripada jumlah peguam yang berdaftar sebanyak 74 orang yang aktif hanya 20 orang. Di Johor 238 orang yang aktif hanya 87 orang dan di Pulau Pinang 211 orang yang berdaftar hanya 69 orang sahaja yang aktif.

Sejak penubuhan YBGK hingga Oktober 2021, sebanyak 1,632,330 kes jenayah telah pun diwakili oleh peguam YBGK bermula daripada penangkapan, pendengaran reman, pertuduhan dan perbicaraan di Mahkamah Jenayah sehinggalah ke peringkat rayuan. Pecahan bilangan akan saya sertakan nanti untuk makluman Yang Berhormat sebagaimana Lampiran Kedua.

Berhubung dengan soalan yang ketiga Yang Berhormat, YBGK telah pun menetapkan prosedur pengemukaan tuntutan oleh peguam YBGK termasuklah kaedah bayaran kepada peguam YBGK di dalam Manual Bayaran Tuntutan Peguam Panel YBGK yang mana disebut sebagai ‘manual tersebut’ dan kadar bayaran adalah berbeza mengikut perkhidmatan yang telah pun dijalankan oleh peguam YBGK.

Berdasarkan manual tersebut, peguam YBGK hendaklah kemukakan tuntutan kepada pejabat YBGK di negeri masing-masing di mana perkhidmatan YBGK dijalankan oleh peguam tersebut selewat-lewatnya dalam masa tiga bulan daripada tarikh perkhidmatan peguam tersebut. Tuntutan yang melebihi tempoh masa tersebut tidak akan dilayan oleh pihak YBGK.

Berhubung dengan tempoh masa pembayaran kepada peguam YBGK, tidak ada tempoh masa tertentu sebenarnya yang ditetapkan. Namun, lazimnya bayaran akan dibuat kepada pihak peguam YBGK dalam tempoh dua bulan selepas pihak Ibu Pejabat YBGK menerima tuntutan yang telah pun disemak dan dikumpulkan di pejabat YBGK negeri. Ibu Pejabat YBGK kemudian menjalankan proses penyemakan kali kedua selepas penyemakan oleh pejabat YBGK negeri dibuat.

Penyemakan secara terperinci dan juga maklumat yang diberikan haruslah lengkap dengan status kes, nombor kad pengenalan, nombor kes, mahkamah yang diwakili bagi perbicaraan serta dokumen-dokumen yang lengkap. Proses pembayaran

bagi tuntutan peguam akan dimulakan selepas selesainya proses semakan tuntutan oleh pihak Ibu Pejabat YBGK. Nanti juga saya akan lampirkan juga carta perbatuan bagi proses tuntutan sebagaimana yang dibuat.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat, tempoh pembayaran bagi perkhidmatan peguam YBGK adalah tertakluk kepada faktor-faktor seperti ketersediaan dana semasa tuntutan dibuat dan juga isu pentadbiran sebagaimana yang berlaku iaitu kekosongan jawatan Pengurus YBGK. Faktor-faktor ini yang mengakibatkan kelewatan pembayaran kepada peguam YBGK yang melebihi tempoh masa dua bulan sebagaimana yang menjadi kelaziman.

Seterusnya, untuk menjawab soalan yang keempat iaitu adakah kementerian bersedia menjalankan dana tambahan untuk YBGK. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat, atas permohonan pihak pengurusan YBGK, Bahagian Kewangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah pun mengemukakan maklum balas seperti yang berikut;

- (i) Jabatan Perdana Menteri akan menyalurkan peruntukan kepada YBGK berdasarkan keputusan yang ditetapkan oleh Perbendaharaan. Peruntukan tahunan disalurkan secara berkala bagi memastikan perbelanjaan yang dibuat adalah berhemah dan sentiasa memberikan nilai kepada negara sekali gus dapat menjamin YBGK menjalankan fungsi penubuhannya; dan
- (ii) bagi tahun 2021, YBGK telah diperuntukkan sebanyak RM5 juta dan tambahan dana sedang diuruskan oleh Bahagian Kewangan, JPM berdasarkan permohonan yang telah pun dikemukakan. Justeru itu, JPM tiada halangan untuk mempertimbangkan dan meneliti permohonan peruntukan tambahan sekiranya terdapat keperluan dengan menyemak silang prestasi perbelanjaan agensi yang sebenar.

Soalan yang terakhir berhubung soalan yang kelima, kenyataan bahawa tiada sebarang penambahan ke atas kadar bayaran bagi perkhidmatan peguam YBGK sejak tahun 2012 adalah kurang tepat. Hal ini kerana pada 1 Mei 2014, suatu kadar baharu telah pun diguna pakai merangkumi kadar bayaran bagi perkhidmatan tangkapan, pendengaran reman, permohonan jamin, mitigasi, perbicaraan di mahkamah dan juga penutupan kes yang lebih tinggi berbanding kadar bayaran sebelumnya. Jadual perbandingan kadar bayaran sebelum dan selepas 1 Mei 2014 adalah sebagaimana dalam lampiran yang akan saya serahkan. Dengan kenaikan kadar bayaran hampir 100 peratus pada ketika itu, ia telah menarik penyertaan peguam untuk berdaftar dengan

YBGK daripada 697 peguam pada tahun 2012 hingga pada tahun 2014 kepada 1,313 orang peguam.

Seterusnya, semakan kadar bayaran tersebut telah dilaksanakan melalui Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah YBGK setelah mempertimbangkan peruntukan sedia ada daripada Kementerian Kewangan pada ketika itu dan juga implikasi kewangan yang mungkin berlaku.

Dari masa ke masa, kadar bayaran ini sentiasa disemak dalam mesyuarat yang dihadiri oleh Ahli Lembaga Pengarah YBGK. Namun, selepas kenaikan kadar bayaran pada 1 Mei 2014 sehingga kini, tiada kenaikan kadar bayaran yang tinggi berlaku. Hal ini kerana tiada permohonan sedemikian dikemukakan kepada pihak YBGK memandangkan kadar sedia ada adalah berpatutan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh peguam dengan mengambil kira keadaan ekonomi semasa yang berada dalam pascapemulihan COVID-19.

Sebarang peningkatan kadar bayaran, sekiranya ada, akan mengakibatkan dana yang diperuntukkan kepada YBGK tidak dapat digunakan sebaiknya kepada golongan yang kurang berkemampuan yang memerlukan bantuan guaman pada ketika ini. Terima kasih.

### **Isu Kesalahan Jenayah: Kes Buli Zulfarhan Osman (UPNM)**

#### **2.45 ptg.**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada kes buli sehingga mengakibatkan kematian, kes penuntut dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Zulfarhan Osman Zulkarnain. Pada 2 November lalu, Mahkamah Tinggi telah memutuskan untuk menjatuhkan hukuman penjara selama 18 tahun kepada mereka yang didapati bersalah atas pertuduhan mencederakan mangsa sehingga menyebabkan kematian tanpa niat membunuh.

Persoalan yang boleh dibincangkan serta diketengahkan terkait isu ini adalah, apakah status semasa Lembaga Penyiasatan Khas berhubung kait kes Zulfarhan Osman? Saya difahamkan lembaga ini telah ditubuhkan sejak tahun 2017 oleh Menteri Kanan Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Namun sehingga kini, tidak ada sebarang makluman atau laporan yang dikeluarkan oleh lembaga berkenaan mengenai hasil tinjauan siasatan kes tersebut.

Ramai memandang hukuman yang dikenakan tidak setimpal dengan nyawa yang terkorban. Kita perlu bersifat tegas terhadap hakikat kekejaman keganasan fizikal 90 tekapan seterika wap ke atas si mati. Justeru permohonan saya kepada kementerian;

- (i) pindaan ke atas Kanun Keseksaan Akta 574 yang masih tidak cukup untuk melindungi mereka daripada dibuli dan didiskriminasi. Harus ada tindakan perundangan untuk menyelesaikan isu ini; dan
- (ii) pengenalan Akta Antibuli bagi membendung kegiatan buli secara lebih serius sebagai jaminan untuk mencegah kematian juvana atau sebarang kematian lain yang tidak seharusnya berlaku.

Saya melihat terdapat keperluan yang mustahak untuk segera diperkenalkan Undang-undang Antibuli ini, selain daripada penguatkuasaan undang-undang sedia ada yang lebih ketat. Selain itu, perlu juga mengambil langkah proaktif untuk membuat penilaian semula terhadap sistem latihan dan pengurusan pelatih di mana-mana Akademi Latihan Ketenteraan (ALK).

Saya kira undang-undang negara kita masih mengambil pendekatan ‘lemah-lembut’ ataupun ‘ihsan simpati’ dalam menangani kes-kes jenayah tertentu. Kita juga sedia maklum bahawa asalnya insiden ini sepatutnya dilaporkan kepada pihak pengurusan universiti UPNM untuk membenarkan mereka menyiasat perkara sebenar yang berlaku.

Justeru, UPNM juga perlu dipertanggungjawabkan disebabkan kegagalan pengurusan yang turut menyumbang kepada keadaan yang lebih buruk berlaku. Harus ditegaskan, kita tidak boleh terus bertolak ansur dengan keganasan dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun. Terima kasih.

## 2.48 ptg.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz]:**

*Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh di atas keprihatinan Yang Berhormat membangkitkan isu buli yang telah berlaku di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) yang melibatkan Allahyarham Pegawai Kadet Zulfarhan Osman Zulkarnain.

Keprihatinan Yang Berhormat Permatang Pauh saya sanjung tinggi. Sesungguhnya, isu ini memang isu yang menyedihkan, menyayat hati dan peristiwa yang berlaku itu amat dikesali sekali. Saya dan seluruh warga kementerian sesungguhnya kami amat berduka cita dan simpati dengan nasib yang telah menimpa

Allahyarham Zulfarhan. Kami juga amat kesal dengan kejadian buli yang telah mengakibatkan kematian ini. Kami sesungguhnya akan berusaha untuk menambah baik peraturan sedia ada di UPNM bagi memastikan kejadian seperti ini tidak lagi akan berulang pada masa hadapan.

Malah sebagaimana Yang Berhormat juga sedia maklum, bagi kes Allahyarham Pegawai Kadet Zulfarhan Osman Zulkarnain, 18 orang bekas pegawai kadet yang dituduh telah pun disabitkan kesalahan masing-masing dan telah pun dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 2 November yang lalu.

Bagi isu Lembaga Penyiasatan Khas yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa Lembaga Siasatan Khas berkenaan telah pun bersidang pada 15 Jun 2017.

Rentetan daripada keputusan lembaga, 90 peratus daripada pegawai dan jurulatih serta staff sokongan telah ditukarkan dengan jurulatih yang mempunyai kualiti kejurulatihan. Setiap pegawai dan anggota yang ditukarkan ke Akademi Latihan Ketenteraan untuk tugas jurulatih juga perlu melalui Panel Lembaga bagi memastikan mereka mempunyai *instructor attributes* yang dikehendaki.

ATM juga telah mengambil tindakan-tindakan drastik dalam memperkemaskan pentadbiran dan pengurusan Akademi Latihan Ketenteraan. Antara tindakan yang diambil bagi menghalang kegiatan ini untuk tidak berulang lagi ialah;

- (i) Akademi Latihan Ketenteraan distrukturkan semula daripada empat batalion yang setiapnya mempunyai 350 hingga 400 pegawai kadet kepada kumpulan yang lebih kecil iaitu lapan kompeni yang mempunyai 110 hingga 120 pegawai kadet di setiap kompeni;
- (ii) bagi memudahkan pemantauan yang lebih rapi, jumlah jurulatih ditambah yang menjadikan nisbah jurulatih dan pegawai kadet dikecilkkan dari nisbah 1 jurulatih untuk 30 pegawai kadet kepada nisbah 1 jurulatih kepada 15 pegawai kadet sahaja secara purata;
- (iii) hukuman berat dan tindakan tegas sehingga boleh dilucutkan pelantikan sebagai pegawai kadet akan dikenakan jika terlibat dalam kes buli;
- (iv) pemantauan yang lebih kerap oleh jurulatih;
- (v) pemeriksaan mengejut secara fizikal dilakukan dari masa ke masa;
- (vi) medium untuk mengemukakan sebarang aduan ataupun laporan kepada pihak pengurusan Akademi Latihan

- Ketenteraan oleh pegawai kadet telah diwujudkan. Ini bererti kalau ada sahaja berlaku mereka ada tempat yang untuk mereka membuat aduan;
- (vii) semua jurulatih kini sentiasa diberikan peringatan untuk peka terhadap apa jua bentuk surat layang, laporan dan perkara-perkara seumpamanya untuk dibuat siasatan selanjutnya; dan
- (viii) tindakan perasingan blok penginapan Pegawai Kadet Tahun 1 daripada pegawai kadet lain yang lebih senior. Kalau dahulu semua duduk sekali, sekarang ini yang junior diasingkan. Ini pun Tuan Yang di-Pertua ini pun RMC, dia pun tahu *[Ketawa]*. Kes-kes buli ini dia cukup mahir. Harap-harap dia antara yang tidak meragging-lah. *Alhamdulillah*, maaf, Tuan Yang di-Pertua.

*Alhamdulillah*, suka saya memaklumkan selepas kejadian berkenaan dan setelah tindakan-tindakan susulan seperti di atas diambil, Yang Berhormat Permatang Pauh kita haraplah tiada lagi kejadian-kejadian sedemikian didapati berulang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubungan cadangan-cadangan Yang Berhormat Permatang Pauh untuk dibuat pindaan ke atas Kanun Keseksaan pindaan ke atas Kanun Keseksaan Akta 574 bagi membendung kejadian buli dan diskriminasi, mungkin dengan memasukkan satu seksyen yang khusus bagi kesalahan buli atau menaikkan skala hukuman pada mana-mana seksyen yang sedia ada di dalam Kanun Keseksaan berkaitan dengan jenayah tubuh badan iaitu – jadi kami haraplah dengan ini akan dilihat sebagai satu lagi langkah wajar yang boleh dilaksanakan oleh pihak Jabatan Peguam Negara sekiranya dipersetujui kelak.

Selanjutnya bagi cadangan Yang Berhormat Permatang Pauh untuk mengadakan seksyen yang khusus berkaitan kesalahan buli, juga dilihat satu langkah yang baik dan proaktif. Namun begitu, setakat ini Kanun Keseksaan iaitu Akta 574 masih lagi relevan bagi mempertuduhkan dan mensabitkan atas mana-mana kesalahan yang ada hubung kaitnya dengan jenayah tubuh badan termasuk buli. Oleh itu, bagi kesalahan buli yang menjurus terhadap jenayah masih boleh dipertuduh di bawah seksyen-seksyen tertentu di bawah Akta 574.

Sebagaimana Yang Berhormat nyatakan bagi kes buli ini, kesemua tertuduh telahpun disabitkan atas kesalahan dan dijatuhkan hukuman di bawah Kanun Keseksaan Akta 574. Pandangan Yang Berhormat yang menyatakan ramai memandang hukuman yang dikenakan tidak setimpal dengan nyawa yang terkorban adalah satu pandangan – mungkin ini satu pandangan peribadi Yang Berhormat.

Bagi pihak kementerian pula, apa yang diputuskan oleh pihak mahkamah perlulah kita hormati dan menjadi pengajaran untuk masa akan datang untuk perkara seperti ini tidak akan berulang. Saya juga ingin memaklumkan sebelum kejadian buli tersebut, telah pun ada satu Perintah Tetap Pegawai Kadet dan Jurulatih UPNM untuk dipatuhi dan ada arahan berkaitan larangan melakukan perlakuan menganiaya, mendera dan memeras ugut.

Namun, kita kesal bahawa walaupun sudah wujud satu arahan jelas yang wajib dipatuhi oleh semua penuntut di Akademi Latihan Ketenteraan yang dikeluarkan oleh pihak Akademi Latihan Ketenteraan, ia masih tidak dipatuhi dan tertuduh lantas kini mereka telah pun menanggung akibat daripada kesalahan yang disabitkan di sisi perundangan.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya tegaskan sekali lagi di sinilah. Pihak ATM mahupun Akademi Latihan Ketenteraan tidak sesekali berkompromi atau berlembut dengan mana-mana pegawai kadet Akademi Latihan Ketenteraan dan juga *staff* yang didapati terlibat dalam kes buli. Buktinya, pihak ATM telah dan akan menyerahkan kepada pihak yang berkuasa terutama PDRM bagi mengambil tindakan susulan tanpa melindungi sesiapa sahaja yang terlibat. Malahan, sekiranya setelah ini masih didapati adanya individu-individu termasuk di kalangan pegawai atau anggota ATM, *staff* dan kakitangan Akademi Latihan Ketenteraan lain yang terlibat dalam kes buli sehingga menyebabkan kematian ke atas Pegawai Kadet Zulfarhan ini, pihak ATM akan sentiasa bekerjasama dengan pihak yang ber-authority bagi menegakkan keadilan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kanan Pertahanan. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga minggu hadapan Isnin, 29 November 2021, jam 2.30 petang. Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat.

**[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.57 petang]**